

Headline	PROSTAR didik remaja Orang Asli hidup sihat		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	27	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	271 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,675
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,025



PROSTAR didik remaja Orang Asli hidup sihat

Oleh Haryani Ngah
aryani@bminggu.com.my

PERASAAN rendah diri terlalu menebal, pemalu, tidak pandai bergaul dan ketinggalan, itu antara sentimen sering dilabelkan kepada masyarakat Orang Asli, kini dengan pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan terutama dalam membangunkan minda cemerlang masyarakat itu, sedikit demi sedikit perasaan terbabit mula terhakis.

Malah mereka kini lebih berani bersaing untuk berdiri sama tinggi dengan kaum lain dengan minda tidak lagi tertutup. Melalui program diusahakan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), masyarakat itu terutama belianya sudah mula bijak merebut peluang dan bersaing dengan belia lain.

Dalam pasaran kerja hari ini, ramai belia Orang Asli mula berhijrah untuk mendapatkan kerja lebih baik demi menjamin kesejahteraan hidup dan ramai juga menjawab jawatan penting dalam organisasi, sama ada kerajaan mahupun swasta.

Di sebalik kemajuan dikecapi itu, belia Orang Asli juga tidak terlepas daripada masalah sosial seperti dadah, seks bebas dan ada dijangkiti HIV. Untuk mengelakkannya berterusan, generasi itu diberi peluang menyertai aktiviti Program Sihat Untuk Remaja (PROSTAR) yang disediakan Kementerian Kesihatan.

Ia melatih remaja sebagai pendidik kumpulan sebaya berdasarkan konsep 'Oleh Remaja, Melalui Remaja dan Untuk Remaja'. PROSTAR diwujudkan untuk semua belia dan menjadi ejen perubahan menyedarkan masyarakat terutama golongan muda terhadap bahaya HIV/Aids.

Menerusi JAKOA, PROSTAR dibentuk khas untuk belia Orang Asli seluruh Semenanjung dengan menyediakan pelbagai aktiviti gaya hidup sihat seperti motivasi serta menjadi medan melahirkan pemimpin belia dalam kalangan Orang Asli.

Menurut Penyelaras Kelab PROSTAR Remaja Orang Asli Semenanjung, Mohd Mustaza Samad, Orang Asli kini sudah moden dan mudah terpengaruh dengan pelbagai masalah sosial terutama yang tinggal di kawasan FELDA dan mereka yang berhijrah ke bandar.

"Masalah sosial seperti dadah, arak, merokok, seks bebas dan banyak lagi gejala negatif mula menular di kalangan remaja Orang Asli. Sehubungan itu, penubuhan Kelab PROSTAR yang membabitkan belia berusia antara 13 hingga 25 tahun menjadi satu cara mendidik mereka menjauhi gejala berkenaan," katanya

sambil menambah menerusi kelab itu juga belia dilatih menjadi fasilitator dan pemimpin di penempatan mereka.

Sebagai pendedahan, mereka juga dibawa menyertai aktiviti dan mengadakan lawatan ke Kelab PROSTAR lain bertujuan membuka minda. Penubuhan Kelab PROSTAR ini bukan saja mendapat sambutan belia Orang Asli tetapi sokongan daripada keluarga dan pemimpin masyarakat.

Timbalan Ketua Pengarah JAKOA, Nisra Nisran Asra Ramlan, berkata aktiviti sedemikian sememangnya mendapat sokongan padu jabatannya terutama dalam membentuk generasi berkeyakinan, berdikari dan memberi perubahan kepada remaja Orang Asli.

Selain itu, katanya, kejayaan kumpulan berkenaan boleh dijadikan contoh dan pembakar semangat kumpulan remaja lain untuk mencipta sejarah cemerlang dalam

bidang lain yang mereka ceburi.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan dan Perubatan JAKOA, Dr Mohd Akmal Dahlan, berkata peserta

ekspedisi itu dipilih daripada 140 peserta dari seluruh penempatan Orang Asli di Semenanjung yang menyertai program pemilihan di Alor Gajah, Melaka.

Bagi belia Orang Asli kaum Samelai, Muasrul Said, 25, dari Tasik Bera, Pahang, yang mula menyertai PROSTAR Kelantan pada 2009, penyertaannya dalam kelab itu membolehkannya mendapat banyak kelebihan untuk mengelak daripada terdedah kepada gejala tidak sihat.

"Saya dilatih menjadi fasilitator dan akan curahkan segala pengalaman dan kemahiran yang diperoleh untuk membantu membangunkan belia Orang Asli di kampung saya dan pada masa sama mengelak daripada terbabit gejala tidak sihat," katanya.

Peserta wanita kaum Semai, Norzahani Nordin dari Brinchang berkata: "Melalui Kelab PROSTAR saya berpeluang untuk mendaki Gunung Kinabalu. Saya rasa sangat gembira dan sudah bersedia menawannya."

Remaja Orang Asli suku Jahai dari Sungai Rual, Jeli, Johari Rosli, 20, yang tinggal di pedalaman dan hanya melakukan kerja kampung, tidak menyangka diberi peluang mendaki Gunung Kinabalu dan menganggapnya umpama mimpi jadi kenyataan.

la melatih remaja sebagai pendidik kumpulan sebaya berdasarkan konsep 'Oleh Remaja, Melalui Remaja dan Untuk Remaja'. PROSTAR diwujudkan untuk semua belia dan menjadi ejen perubahan...